

13/02/2004

Anggapan lapuk pertanian perlu dikikis

KLUANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua pihak mengikis anggapan lapuk yang mengaitkan pertanian dengan kemiskinan dan hanya layak dikerjakan rakyat miskin.

Sikap sedemikian, kata Perdana Menteri hanya melemahkan pemikiran dan membantutkan pembangunan, sedangkan pertanian sebenarnya satu daripada sumber kekayaan.

Beliau berkata, sektor itu jika dimajukan selaras perkembangan semasa bukan saja boleh menambah hasil pengeluarannya, tetapi mampu meningkatkan pendapatan pengusaha.

"Sekarang banyak hasil tani dikeluarkan melalui kaedah teknologi tinggi mampu menambah kualiti produk, jadi kita perlu menggunakan keupayaan bioteknologi ini untuk memajukan bidang tani.

"Kita mahu sektor pertanian sama-sama maju. Contohnya, Projek Pertanian Moden di Kluang ini kalau boleh sama membangun seperti Pasir Gudang yang maju dengan sektor industri," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Projek Pertanian Moden dan Pusat Ternakan Haiwan Padang Hijau, Batu 11, Jalan Mersing di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Pertanian, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Datuk Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor.

Projek itu adalah ilham bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad membabitkan kawasan seluas 3,330 hektar meliputi Pusat Ternakan Haiwan Padang Hijau, Institut Haiwan dan Pusat Ternakan Haiwan Ayer Hitam serta Institut Pertanian Ayer Hitam.

Ia memiliki ciri berskala besar penggunaan teknologi terkini, pengurusan profesional serta Amalan Pertanian Baik (GAP) yang dijalankan di kawasan ternakan lembu, kambing, biri-biri, rusa dan burung unta selain tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran, herba serta ternakan air, rekreasi dan pelancongan yang berasaskan pertanian dan industri mengeluarkan makanan ternakan, memproses gelatin daripada ternakan serta barangan kulit.

Abdullah berkata, sektor pertanian penting dalam wawasan menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 kerana ia pemangkin kepada pembangunan kawasan luar bandar.

"Pembangunan di luar bandar mesti seimbang dan tidak ditinggalkan dalam menuju Wawasan 2020. Kita mahu jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar dikecilkan melalui sektor pertanian," katanya.

Perdana Menteri berkata, pertanian juga penting dalam menjaga pertumbuhan ekonomi negara dan menambah pendapatan rakyat.

Justeru, katanya kerajaan memberi perhatian kepada Projek Pertanian Moden di Kluang untuk dijadikan contoh atau 'showcase' dan bukti sektor pertanian boleh dimajukan dan mampu memberi limpahan nikmat kepada rakyat.

"Untuk itu, saya minta Kementerian Pertanian dan agensi kerajaan berkaitan supaya bekerjasama dan meluluskan secepat mungkin apa juga keperluan bagi menjayakan projek ini," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, kerajaan mahu pengeluaran rempah ratus dalam negara dipertingkatkan bagi mengelak pergantungan kepada bahan import.

"Kita mengimport rempah ratus RM110 juta setahun. Jadi, kita perlu memastikan pengeluaran bahan itu dipertingkatkan," katanya.